

**SOALAN LAZIM - PROGRAM IJAZAH SARJANA MUDA UMP SECARA FLEKSIBEL
(KULIAH Hujung Minggu) – KEMASUKAN SEPTEMBER 2018**

1) Program ditawarkan?

BIL	NAMA PROGRAM IJAZAH SARJANA MUDA	Tempat	YURAN PER KREDIT (RM)	JUMLAH JAM KREDIT	JUMLAH YURAN (RM)	YURAN PENDAFTARAN (RM) (Bayaran dicajkan bagi setiap semester)			ANGGARAN JUMLAH YURAN PENGAJIAN KESELURUHAN (RM)	
						PER SEM.	JUMLAH SEM.	JUMLAH	TANPA PENGECUALIAN KREDIT	DENGAN PENGECUALIAN KREDIT MAKSIMUM
1	KEJURUTERAAN MEKANIKAL (BEM/ACC/02-30)	UMP Pekan	210	128	26,880	160	8	1,280	28,735	20,671
2	KEJURUTERAAN PEMBUATAN (BEM/ACC/02-30)	UMP Pekan	210	129	27,090	160	8	1,280	28,945	20,818
3	KEJURUTERAAN MEKATRONIK (BEM/ACC/02-30)	UMP Pekan	210	129	27,090	160	8	1,280	28,945	20,818
4	KEJURUTERAAN ELEKTRIK (ELEKTRONIK) – (BEM/ACC/02-30)	UMP Pekan	210	129	27,090	160	10	1,600	29,265	21,138
5	KEJURUTERAAN AWAM (BEM/ACC/02-30)	UMP Gambang	210	130	27,300	160	8	1,280	29,155	20,965
6	KEJURUTERAAN KIMIA (BEM/ACC/02-30)	UMP Gambang	210	130	27,300	160	8	1,280	29,155	20,965
7	KESELAMATAN & KESIHATAN PEKERJAAN - (MQA/FA2289)	UMP Gambang	200	129	25,800	160	10	1,600	27,975	20,235
8	SAINS KOMPUTER (SISTEM KOMPUTER & RANGKAIAN) (MQA - 10678)	UMP Gambang	200	127	25,400	160	8	1,280	27,255	19,635
9	PENGURUSAN TEKNOLOGI INDUSTRI (MQA/FA2219)	UMP Gambang	175	120	21,000	160	8	1,280	22,855	16,555
10	TEKNOLOGI KEJURUTERAAN (PEMBUATAN) - DALAM KAMPUS MQA/FA2290	UMP Gambang	210	142	29,820	160	8	1,280	31,675	22,729
11	TEKNOLOGI KEJURUTERAAN (PEMBUATAN) - LUAR KAMPUS MQA/FA2290	IKTBN Sepang	300	142	42,600	160	8	1,280	44,455	31,675
12	TEKNOLOGI KEJURUTERAAN (ELEKTRIKAL) - DALAM KAMPUS MQA/FA2291	UMP Gambang	210	142	29,820	160	8	1,280	31,675	22,729
13	TEKNOLOGI KEJURUTERAAN (ELEKTRIKAL) - LUAR KAMPUS MQA/FA2291	IKTBN Sepang	300	142	42,600	160	8	1,280	44,455	31,675

*YURAN KEMASUKAN RM575 (Bayaran dicaj sekali sepanjang tempoh pengajian)

2) Bagaimanakah cara untuk membuat Permohonan?

Permohonan adalah secara *online* di <https://goo.gl/GKLJRA> ATAU umpadvanced.ump.edu.my

3) Dokumen yang diperlukan semasa permohonan?

- i. Salinan Kad Pengenalan
- ii. Salinan Keputusan SPM (Kertas Julai jika berkaitan)
- iii. Salinan Keputusan MUET (jika ada)
- iv. Salinan Transkrip Diploma / Setaraf (Semester 1- tamat)
- v. Salinan Skrol Diploma / Setaraf
- vi. Resume
- vii. Surat Pengesahan Majikan atau Surat Tawaran Kerja Terkini

4) Apakah maksud program dijalankan secara fleksibel?

Program dijalankan mengikut kesesuaian masa / waktu pelajar yang sedang bekerja (kelas secara hujung minggu atau boleh mengikuti kuliah pada hari biasa bersama pelajar perdana)

5) Hari mendaftar?

22 September 2018 (Sabtu)

6) Tarikh tutup permohonan?

27 Ogos 2018 (Isnin)

7) Keputusan permohonan?

Semakan boleh dibuat secara *online* melalui umpadvanced.ump.edu.my mulai 3 September 2018 (Isnin). Hebahan maklumat akan dibuat di facebook UMP Advanced.

8) Tempoh Pengajian

- i. Tertakluk kepada jumlah pengecualian kredit yang diluluskan. (Maksimum pengecualian kredit yang dibenarkan adalah 30% daripada jumlah jam kredit)
- ii. Tanpa pengecualian kredit – **4 Tahun** bagi semua program **KECUALI** Kejuruteraan Elektrik (Elektronik) dan Keselamatan & Kesihatan Pekerjaan – **5 Tahun**
- iii. Jika memperolehi pengecualian kredit maksimum – **3 Tahun** bagi semua program **KECUALI** Kejuruteraan Elektrik (Elektronik) dan Keselamatan & Kesihatan Pekerjaan – **4 Tahun**

9) Adakah Program ini diiktiraf oleh badan profesional?

Program ini diiktiraf oleh MQA, Badan Profesional yang berkaitan dan Kerajaan Malaysia.

- i. Sumber Rujukan - <http://www2.mqa.gov.my/mqr/>
- ii. Sumber Rujukan - <http://www.eac.org.my>

10) Apakah status surat tawaran jika gagal mendaftar?

Sekiranya tidak daftar pada tarikh yang ditetapkan, maka status surat tawaran tersebut adalah terbatal dan pendaftaran permohonan semula perlu dilakukan.

11) Berapakah semester dalam satu tahun?

Setahun – 2 semester lazim dan 1 semester pendek.

12) Pengecualian Kredit

Bolehkah pengecualian kredit dibuat oleh pemohon?

Pemohon boleh memohon pengecualian kredit dan tertakluk kepada kelulusan Fakulti sekiranya subjek yang telah diambil setara dengan silibus/ kurikulum UMP.

13) Apakah prosedur dan tempoh untuk pelajar memohon pengecualian kredit?

Pelajar perlu mengisi borang pengecualian kredit beserta salinan transkrip penuh yang telah disahkan dan dihantar ke Fakulti pada minggu pertama pengkuliahan.

14) Syarat Kemasukan

Syarat Am Universiti

Memiliki SPM/Setaraf dengan kepujian mata pelajaran Bahasa Melayu dan LULUS mata pelajaran Sejarah sekurang-kurangnya Gred E;

Syarat Khas Program

Mempunyai pengalaman kerja minimum 2 tahun dalam bidang berkaitan dan CGPA \geq 2.30.

15) MUET?

- i. Syarat minimum adalah Band 2 ATAU
- ii. Bagi calon yang tidak memiliki MUET, pihak universiti membenarkan pelajar menduduki MUET sebelum tahun 3 pengajian.

16) Pembiayaan Pengajian

- i. Adakah boleh membuat pengeluaran KWSP untuk menjelaskan yuran pengajian?
Ya. Permohonan pengeluaran KWSP perlu diuruskan oleh pelajar, pihak UMP akan mengeluarkan surat pengesahan pelajar sebagai sokongan permohonan pengeluaran. Sebarang pertanyaan boleh diajukan ke Jabatan Akademik & Rundingcara Pelajar UMP Advanced ditalian 09-549 3172 / 3170 / 3165.
- ii. Bolehkah pembayaran yuran dibuat secara ansuran?
Boleh, pihak UMP Advanced telah menyediakan jadual pembayaran mengikut tempoh yang ditetapkan setiap semester.
- iii. Bagaimanakah prosedur permohonan pinjaman dari Institusi Kewangan?
Pelajar perlu mendapatkan surat pengesahan sebagai seorang pelajar di UMP dan anggaran yuran pengajian. Pelajar boleh terus berurusan dengan institusi kewangan yang berkaitan.

17) PTPTN?

Pelajar boleh memohon secara *online* pinjaman PTPTN dengan membeli nombor pin PTPTN di mana-mana cawangan Bank BSN dengan nilai RM5.00 (tempoh sahlaku 6 bulan dari tarikh pembelian)

SEM 1

i- 1 – 31 Ogos (Kelompok I)

ii- 1- 30 September (Kelompok II)

SEM 2

i- 1 – 30 Januari (Kelompok I)

ii- 1- 28 Februari (Kelompok II)

18) Berapa bilangan subjek dalam satu semester?

- i. Semester Lazim – 5 hingga 6 subjek
- ii. Semester Pendek – 2 hingga 3 subjek

19) Penganugerahan

Penganugerahan Ijazah Sarjana Muda oleh Universiti Malaysia Pahang (UMP)